

**SOALAN LAZIM**  
**CABUTAN WOW! SIMPAN SSPN 2025**

**1. Soalan:**

Apakah Cabutan **WOW! Simpan SSPN 2025**?

**Jawapan:**

Kempen Cabutan **WOW! Simpan SSPN 2025** adalah kempen utama PTPTN yang menawarkan pelbagai kategori cabutan dan hadiah lumayan dengan jumlah keseluruhan **lebih RM1.5 juta** untuk dimenangi oleh **550 orang pemenang**. Kempen ini adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada rakyat Malaysia kerana memilih Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan. Terdapat tiga (3) cabutan untuk disertai oleh semua pendeposit:-

- a) **WOW! Gong Xi Raya**
- b) **WOW! Superheroes**
- c) **Cabutan WOW! Tahunan**

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025** bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen adalah seperti berikut:-

| Kategori     | Cabutan              | Tempoh Kempen                | Tempoh Pengekalan             |
|--------------|----------------------|------------------------------|-------------------------------|
| Cabutan Siri | WOW! Gong Xi Raya    | 1 Januari – 30 April 2025    | 1 Mei – 31 Mei 2025           |
|              | WOW! Superheroes     | 1 Julai – 31 Oktober 2025    | 1 November – 30 November 2025 |
|              | Cabutan WOW! Tahunan | 1 Januari – 31 Disember 2025 | Tiada                         |

**3. Soalan:**

Apakah yang dimaksudkan dengan **Tempoh Pengekalan**?

**Jawapan:**

**Tempoh Pengekalan** adalah tempoh di mana pendeposit tidak boleh membuat pengeluaran dan/atau pindahan simpanan semasa tempoh pengekalan daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen untuk melayakkan cabutan.

**4. Soalan:**

Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025**?

**Jawapan:**

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus** yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen;

- ii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- iii. Pendeposit **tidak boleh membuat pengeluaran dan/atau pindahan simpanan semasa tempoh pengekalan daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen untuk melayakkan cabutan;**
- iv. **Kelayakan Bilangan Cabutan**

| Produk            | Simpanan Bersih              | Bilangan Cabutan  |   |
|-------------------|------------------------------|---|---|
|                   |                              | Transaksi Berjaya Melalui Platform Selain myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD) | Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD) |
| Simpan SSPN Prime | RM100                        | 1 cabutan   | 5 cabutan   |
| Simpan SSPN Plus  | RM50<br>(simpanan + takaful) | 2 cabutan   | 10 cabutan  |

- v. **Kelayakan Tambahan Bagi Cabutan WOW! Tahunan terbahagi kepada Dua (2) Kategori berikut:**

| Kategori | Simpanan Bersih                  |
|----------|----------------------------------|
| Platinum | Minimum RM12,000.00 dan ke atas  |
| Gold     | Minimum RM1,000.00 – RM11,999.99 |

- vi. Pendeposit adalah digalakkan untuk melakukan **transaksi melalui myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** untuk mendapatkan ganjaran **cabutan berganda**;
- vii. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- viii. Pendeposit perlu **memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif** dan akaun **Simpan SSPN Plus tiada tunggakan**; dan
- ix. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam tempoh kempen, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

## 5. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025?**

### Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

**6. Soalan:**

Adakah pendeposit **LAYAK** menyertai kedua-dua kategori bagi **Cabutan WOW! Tahunan?**

**Jawapan:**

Pendeposit hanya **LAYAK** menyertai **salah satu kategori sahaja** bagi **Cabutan WOW! Tahunan** berdasarkan simpanan bersih yang dibuat dalam tempoh kempen.

**7. Soalan:**

Bagaimanakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus**?

**Jawapan:**

Akaun **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus** boleh dibuka/ ditambah melalui myPTPTN <https://www.ptptn.gov.my/myptptn/>, di kaunter cawangan PTPTN, atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

**8. Soalan:**

Adakah pendeposit **LAYAK** menyertai cabutan sekiranya pendeposit telah membuat pengeluaran dan/atau pindahan simpanan di dalam tempoh kempen atau semasa tempoh pengekalan daripada akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen?

**Jawapan:**

Kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

| Bil | Perkara   | Kelayakan Cabutan |
|-----|---|-------------------|
| 1   | Pengeluaran dan/atau pindahan simpanan semasa tempoh kempen sahaja                | LAYAK             |
| 2   | Pengeluaran dan/atau pindahan simpanan semasa tempoh pengekalan sahaja            | TIDAK LAYAK       |
| 3   | Pengeluaran dan/atau pindahan simpanan semasa tempoh kempen dan tempoh pengekalan | TIDAK LAYAK       |

**9. Soalan:**

Sekiranya pendeposit membuat **penambahan simpanan** melalui **myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** dan pada masa yang sama juga membuat penambahan simpanan melalui **platform selain myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** serta **mengeluarkan semasa tempoh kempen**, bagaimanakah kiraan jumlah simpanan bersih ditentukan?

**Jawapan:**

Berdasarkan situasi di atas, sekiranya pendeposit membuat pengeluaran semasa tempoh kempen, jumlah pengeluaran akan ditolak daripada simpanan yang dibuat melalui platform **myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** terlebih dahulu bagi mendapatkan jumlah simpanan bersih seterusnya menentukan jumlah kiraan bilangan cabutan yang layak.

**10. Soalan:**

Jika akaun Simpan SSPN pendeposit TIDAK AKTIF dan mempunyai nilai tunggakan bagi akaun Simpan SSPN Plus, adakah pendeposit tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

**TIDAK LAYAK.** Pendeposit perlu memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada nilai tunggakan sehingga tarikh cabutan.

**11. Soalan:**

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

**LAYAK.** Tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

**12. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

**Jawapan:**

Pemenang kempen akan memenangi hadiah seperti berikut:

**Hadiah Cabutan Siri**

| Cabutan           | Hadiah Tunai  |
|-------------------|---|
| WOW! Gong Xi Raya | <b>Setiap kategori Cabutan Siri:</b><br>Utama : RM30,000 x 1 pemenang<br>Kedua : RM15,000 x 3 pemenang<br>Saguhati : RM1,000 x 126 pemenang |
| WOW! Superheroes  |   |

**Hadiah Cabutan WOW! Tahunan**

| Pemenang                  | Hadiah   |
|---------------------------|--|
| <b>Kategori: Platinum</b> |  |
| <b>Utama</b>              | Kereta Mercedes-Benz A250 4Matic AMG Line x 1 pemenang |
| <b>Kedua</b>              | Kereta Honda HRV 1.5L TV x 1 pemenang                  |
| <b>Ketiga</b>             | Tunai bernilai RM25,000 x 3 pemenang                   |
| <b>Saguhati</b>           | Tunai bernilai RM1,000 x 140 pemenang                  |
| <b>Kategori: Gold</b>     |  |
| <b>Utama</b>              | Kereta Honda Civic 1.5L RS x 1 pemenang                |
| <b>Kedua</b>              | Kereta Toyota Vios 1.5G AT x 1 pemenang                |
| <b>Ketiga</b>             | Tunai bernilai RM15,000 x 3 pemenang                   |
| <b>Saguhati</b>           | Tunai bernilai RM1,000 x 140 pemenang                  |

**13. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**14. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ hebahan di laman web rasmi PTPTN atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**15. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka untuk diri sendiri, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di dalam rekod PTPTN.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025**.

*Maklumat dikemaskini pada 1 Januari 2025*